

Parti lawan burukkan pemimpin kerajaan

# Awasi taktik pembangkang

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Perdana Menteri hari ini mengingatkan rakyat, khususnya ahli-ahli Umno dan Barisan Nasional (BN), supaya berhati-hati dengan taktik kotor parti lawan, seperti mengedarkan risalah dan gambar-gambar yang memburuk-burukkan pemimpin negara menjelang pilihanraya umum akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, golongan itu sentiasa mencari jalan untuk meyakinkan rakyat bahawa pemimpin-pemimpin negara ini terba-

bit dengan rasuah, penyelewengan dan sebagainya untuk kepentingan politik mereka.

"Kita yakin ramai pihak, termasuk golongan yang kecewa dan menyangka diri mereka berbakat dan bijak, berminat menjatuhkan BN kerana iri hati dengan kejayaan kerajaan," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Batu, Lembah Pantai dan Seputeh yang diadakan serentak di sini.

Menurutnya, parti-parti lawan dan golongan itu akan sentiasa menggunakan cara dan strategi kotor untuk menghilangkan kepercayaan ahli-ahli BN, khususnya Umno sendiri, terhadap kepemimpinan parti kerana sudah ketiadaan modal untuk dijadikan isu.

"Saya dapat tahu bahawa antara gambar yang akan diedarkan menjelang pilihanraya umum akan datang ialah gambar saya sendiri ketika menghadiri jamuan makan malam bersama Lorrain Esme Osman dan Kevin Tsu yang terbabit dalam skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF)," katanya.

## Gambar

Menurutnya, gambar yang diambil ketika beliau mengetuai rombongan galakan pelaburan di Hong Kong pada 1978 atau 1979 itu digunakan oleh pihak-pihak berkenaan untuk menggambarkan bahawa beliau terbabit dalam skandal BMF.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, golongan itu juga mengedarkan risalah menuduh pemimpin-pemimpin tertentu

terbabit dalam rasuah untuk menunjukkan bahawa kerajaan tidak mengamalkan slogan *Bersih, Cekap dan Amanah (BCA)* yang dilaungkan ketika kempen pilihanraya 1982.

"Taktik dan strategi itu sedikit sebanyak sudah berjaya mempengaruhi ahli-ahli Umno dan ada yang menganggap tuduhan-tuduhan itu benar sehingga meminta pucuk pimpinan menyingkirkan orang-orang tertentu," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, rakyat, khususnya ahli-ahli BN dan Umno, seharusnya mengukuhkan kekuatan parti dengan mematuhi disiplin serta memberi kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan-tindakan tertentu tidak mudah diambil ke-

rana kerajaan juga tertakluk kepada undang-undang dan perlembagaan.

"Dalam skandal BMF, misalnya, kita tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang terbabit kerana jenayah itu dilakukan di luar negeri.

## Skandal

"Oleh itu kita hanya mengharapkan kes itu diselesaikan oleh mahkamah di London dan Hong Kong. Perbincangan kes itu dijangka mengambil masa lima tahun kerana ia membabitkan jenayah besar," tambahnya.

Perdana Menteri juga membidas pihak-pihak yang mengeneipkan matlamat parti dan menggunakan mahkamah

untuk mengelakkan diri daripada dikenakan tindakan tertentu.

"Kita adakan perlembagaan parti untuk melicinkan pentadbiran. Tapi malangnya kita tidak boleh mengambil tindakan terhadap orang yang merosakkan parti kerana mereka menggunakan mahkamah," ujarnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli Umno supaya jangan angkuh dan terlalu yakin bahawa Umno akan menang dalam pilihanraya umum akan datang kerana keadaan <sup>sebaliknya</sup> mereka khayal dan tidak mengutamakan disiplin.

"Kita perlu terus kukuhkan kekuatan parti dan jangan bertindak ikut perasaan kerana jika kita terlalu khayal, angkuh dan membela-kangkan disiplin, maka saya yakin kita akan kalah," katanya.

Menurutnya, ahli-ahli Umno perlu berfikir secara bijak supaya tidak ~~rahal~~ di hidang politik.